

# PERSEPSI GURU PELATIH KDPM MAKTAB PERGURUAN BATU LINTANG TERHADAP KEBERKESANAN KERJA KURSUS BERASASKAN ILMU (KKBI)

Ivy Teo  
Patmah Bustaman  
Sardi Ahmad  
Azhar Md. Sabil  
Jabatan Ilmu Pendidikan

## ABSTRAK

*Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti persepsi guru pelatih mengenai keberkesanan proses pelaksanaan KKBI. Di samping itu, kajian ini juga ingin meneliti sejauh mana pelaksanaan KKBI dapat memberi manfaat kepada guru pelatih dari segi pemerolehan, penguasaan serta pemindahan ilmu dari perspektif guru pelatih dan pensyarah. Populasi kajian terdiri daripada 221 orang guru pelatih ambilan Januari 2003, Julai 2003 dan Januari 2004, manakala populasi pensyarah adalah seramai 23 orang. Data dikutip melalui 2 set soalan yang dilaksanakan pada bulan Mei 2005. Berdasarkan dapatan, guru pelatih menyatakan bahawa proses pelaksanaan KKBI adalah hampir berkesan (min 2.87), manakala pelaksanaan KKBI yang memberi manfaat kepada mereka dari segi pemerolehan, penguasaan serta pemindahan ilmu pula adalah berkesan (min 3.12). Dapatan ini adalah selaras dengan data yang dikutip daripada pensyarah yang menyatakan bahawa KKBI sebenarnya adalah berkesan dalam membantu guru pelatih memperoleh, menguasai serta memindahkan ilmu kepada situasi sebenarnya.*

## PENGENALAN

Pelaksanaan KKBI bertujuan menilai pelajar dari segi pemerolehan dan penguasaan ilmu dan kemahiran, meningkatkan keupayaan pelajar membuat pemindahan pembelajaran dalam konteks sebenar di sekolah dan menerapkan nilai-nilai dan etika keguruan. KKBI merupakan sebahagian daripada keperluan kurikulum kursus latihan keguruan. KKBI merupakan satu komponen kurikulum yang berfungsi sebagai pengukuhan dalam proses P&P. Tujuan KKBI bukan semata-mata terbatas kepada pentaksiran prestasi pelajar dalam komponen kerja kursus tetapi juga berfungsi mengukuhan proses pengajaran pembelajaran.

KKBI dilaksanakan dalam dua bentuk: Projek (Pengkhususan) dan Taksiran (Bukan Pengkhususan), dan merupakan bentuk penilaian yang perlu dilaksanakan secara

berterusan sepanjang kursus. Projek ialah bentuk kerja kursus secara formal dan merupakan satu siri aktiviti yang saling berkaitan yang dilaksanakan dalam tempoh masa yang agak panjang. Antara contoh projek adalah seperti pembinaan modul, penghasilan produk atau laporan bertulis, manakala taksiran terdiri daripada tiga kategori iaitu Kategori A, B dan C. Perincian kategori serta contoh bagi setiap kategori boleh dilihat dari Jadual 1.

Jadual 1 : Bentuk Taksiran Kerja Kursus

Kategori A	Kategori B	Kategori C
Pemerolehan ilmu (dilaksanakan semasa Pengajaran dan Pembelajaran)	Penguasaan ilmu dan kemahiran (dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi satu minggu)	Pemindahan ilmu (dilaksanakan berdasarkan situasi sebenar)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuiz</li> <li>• Perbincangan</li> <li>• Pembentangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang Persediaan Mengajar</li> <li>• Penyediaan Laporan</li> <li>• Ulasan artikel</li> <li>• Penulisan refleksi</li> <li>• Penghasil Produk seperti buku skrap</li> <li>• Esei pendek</li> <li>• Ujian terbuka atau Ujian bawa pulang</li> </ul>	Laporan berdasarkan isu, masalah semasa atau situasi sebenar sekolah yang berunsur analisis refleksi tindakan, penilaian.

Penilaian KKBI dilaksanakan berdasarkan panduan yang ditetapkan oleh BPG. Tujuan pelaksanaan KKBI adalah untuk mencapai objektif berikut:

- (a) memupuk budaya ilmu melalui pembacaan, perbincangan akademik dan perkongsian maklumat secara pintar di kalangan pelajar
- (b) meningkatkan kemahiran pelajar membuat rujukan dan mengakses maklumat dari pelbagai sumber, kecekapan memilih maklumat yang relevan dan mengorganisasi maklumat secara sistematik dan bermakna
- (c) menggerakkan proses pelajar sejajar dengan perkembangan intelektual, menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi (Higher Order Thinking), membina pemikiran sendiri (independant thought) dan menjadi pengamal refleksi
- (d) menghubungkan teori dan praktis dengan menggalakkan integrasi ilmu

yang diperoleh daripada orang lain dengan ilmu yang diperoleh melalui pengalaman dan refleksi sendiri dalam konteks sebenar di sekolah untuk meningkatkan keterampilan pedagogi, dan

- (e) membina kepekaan pelajar terhadap keperluan untuk menjadi seorang guru yang beretika, beradab dan berakhlak mulia.

### **Pernyataan Masalah**

KKBI merupakan komponen yang penting dalam penilaian Kursus Perguruan KDPM dan KPLI seluruh maktab di negara ini. Setakat ini masih belum ada kajian yang dilakukan tentang persepsi guru pelatih tentang keberkesanan proses pelaksanaan KKBI. Selain itu, belum terdapat satu kajian mengenai sejauh mana pelaksanaan KKBI dapat memberi manfaat kepada guru pelatih dari segi pemerolehan, penguasaan dan pemindahan ilmu dari perspektif guru pelatih dan pensyarah. Oleh itu, kajian perlu dilaksanakan untuk melihat sejauh manakah pelaksanaan KKBI ini berkesan. Hal ini kerana KKBI merupakan salah satu indikator yang boleh digunakan untuk mengetahui kepuasan pelanggan (guru pelatih) mengenai format penilaian seperti yang yang dikehendaki oleh piawaian ISO versi 2000.

### **Objektif Am**

- Meninjau keberkesanan proses pelaksanaan KKBI dalam kalangan guru pelatih KDPM dan pensyarah.

### **Objektif Khusus**

- Mengetahui persepsi guru pelatih KDPM tentang keberkesanan proses pelaksanaan KKBI
- Mengenal pasti sejauh mana pelaksanaan KKBI dapat memberi manfaat kepada guru pelatih dari segi pemerolehan, penguasaan dan pemindahan ilmu dari perspektif guru pelatih dan pensyarah.

### **Persoalan Kajian**

- (i) Apakah persepsi guru pelatih KDPM mengenai proses pelaksanaan KKBI?
- (ii) Sejauh manakah pelaksanaan KKBI dapat memberi manfaat kepada guru pelatih dari segi pemerolehan, penguasaan dan pemindahan ilmu dari perspektif guru pelatih?
- (iii) Sejauh manakah pelaksanaan KKBI dapat memberi manfaat kepada guru pelatih dari segi pemerolehan, penguasaan dan pemindahan ilmu dari perspektif pensyarah?

## **Keputusan Kajian**

Kajian ini diharapkan dapat memberi maklum balas mengenai keberkesanan pelaksanaan proses KKBI. Seterusnya, kajian ini dapat memperbaiki segala kelemahan dalam proses pelaksanaan KKBI di maktab. Di samping itu, dapatan akan menjadi satu panduan kepada para pensyarah yang mengendalikan KKBI. Kajian ini diharapkan akan dapat menggerakkan pengubal dasar untuk memikirkan beberapa alternatif baru bagi memantapkan pelaksanaan KKBI lagi. Kajian yang melibatkan penilaian program seperti KKBI ini penting dilakukan bagi menilai tahap keberkesanan pelaksanaannya di institusi perguruan. Brady (1983) dalam artikel Foxon (1986) menegaskan bahawa penilaian merupakan satu asas yang membolehkan kita untuk menentukan bagaimana kita boleh menambah baik program yang dilaksanakan.

## **Batasan Kajian**


Kajian ini melibatkan 9 kumpulan yang terdiri daripada seramai 221 guru pelatih KDPM Ambilan Januari 2003, Julai 2003, dan Januari 2004, Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching. Oleh itu, kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua kumpulan guru pelatih KDPM di semua maktab perguruan di Malaysia.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Kerja Kursus Berasaskan Ilmu diperkenalkan pada Januari 2003 untuk menggantikan kerja kursus berportfolio yang dikendalikan semenjak tahun 1996. Ini adalah kerana didapati bahawa kerja kursus berportfolio amat membebankan guru pelatih berekoran daripada rungutan guru pelatih semasa KKB berportfolio dilaksanakan (Zaliha Musa, 1999). Pelaksanaan KKBI adalah berdasarkan model konseptual yang dibangunkan oleh Unit Penilaian di Bahagian Pendidikan Guru.

## **Kerangka Konseptual**

Model konseptual KKBI pada Rajah 1 menekankan proses pembinaan ilmu yang berasaskan pembelajaran di maktab dan pengalaman di sekolah. Tugas-tugas kerja kursus membolehkan guru pelatih memperoleh pelbagai jenis ilmu melalui integrasi pengalaman pembelajaran melalui modul dan tutorial serta pengalaman pelaksanaan tugas profesional dalam konteks dan situasi sebenar di sekolah. Model ini menjelaskan proses perkembangan intelektual guru pelatih yang berasaskan kepada pemerolehan ilmu, penguasaan ilmu dan kemahiran serta pemindahan pembelajaran.




Rajah 1: Model Konseptual KKBI

Tahap pemerolehan ilmu menekankan aktiviti-aktiviti kerja kursus yang membolehkan pelajar mendapat dan memahami ilmu daripada pelbagai sumber. Tahap penguasaan ilmu dan kemahiran pula menekankan aktiviti-aktiviti kerja kursus yang membolehkan pelajar merancang, mengorganisasi, mengaplikasi dan membina makna sendiri berdasarkan maklumat atau ilmu yang diperolehi serta menguasai kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan ilmu berkenaan. Tahap pemindahan pembelajaran merujuk aktiviti-aktiviti kerja kursus yang membolehkan pelajar mengaplikasi ilmu dan kemahiran dalam konteks dan situasi sebenar di sekolah. Selain itu, pada tahap ini membolehkan pelajar menjana ilmu baru dan kebolehan menilai kepentingan ilmu sesuai dengan amalan guru yang reflektif. Ketiga-tiga tahap ini diperolehi melalui pembelajaran yang bersifat teori dan pengalaman di maktab dan sekolah.

Proses pembinaan ilmu yang ditekankan dalam KKBI boleh digambarkan dalam

Rajah 2.



Rajah 2 : Tahap Pembelajaran dalam Tugas KKBI

## METODOLOGI

### Reka bentuk Kajian

Kajian ini pada dasarnya bersifat deskriptif, kuantitatif jenis tinjauan. Maka untuk mendapatkan maklumat tentang keberkesanan pelaksanaan proses KKBI, sumber utama yang digunakan ialah dua set borang soal selidik. Menurut Mohd. Majid (2000), penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji. Gay (1992) pula menyatakan penyelidikan berbentuk deskriptif melibatkan pengumpulan data bagi menjawab persoalan tentang status terkini mengenai bidang yang hendak dikaji. Moser dan Kalton (1985) menyatakan bahawa kaedah soal selidik patut dilihat sebagai kaedah yang amat berguna untuk menerokai bidang, mengumpul data terus dari subjek yang hendak dikaji supaya masalah dapat difokuskan dan cadangan dapat diajukan. Pandangan mereka ini turut disokong oleh Ary dan Jacobs (1990).

### Populasi

Populasi kajian terdiri daripada 221 orang guru pelatih dan 23 orang pensyarah. Guru pelatih yang dipilih merupakan 9 kumpulan KDPM Ambilan Januari 2003, Julai 2003 dan Januari 2004. Pecahan populasi guru pelatih ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan Pelajar Mengikut Kumpulan Kursus

Tahun	Kumpulan	Jumlah guru pelatih
Januari 2003	PraPC	15
	PraPM1	30
	PraPM2	31
	PCPS	19
	PCMT	24
	PCSN	15
	MUPM	20
Julai 2003	PCMT	33
Januari 2004	PCMT	34
Jumlah	9	221

Manakala populasi pensyarah pula merupakan 23 orang tenaga pengajar yang melaksanakan KKBI bagi guru pelatih KDPM semester 3, 4, dan 5. Mereka terdiri daripada pelbagai jabatan, seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Bilangan Pensyarah Mengikut Jabatan/  
Pengkhususan

Bil.	Jabatan	Jumlah Pensyarah
1	Ilmu Pendidikan	9
2	Bahasa Cina	5
3	Bahasa Inggeris	2
4	Kajian sosial	4
5	Sains	2
6	Matematik	1

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini terdiri daripada 2 set soal selidik, iaitu satu set untuk pensyarah manakala satu set lagi untuk pelajar. Instrumen yang pertama (pensyarah) yang digunakan dalam kajian ini direka oleh sekumpulan pensyarah dari Jabatan Ilmu Pendidikan yang dibimbing oleh pensyarah dari Jabatan Penyelidikan manakala instrumen yang kedua (pelajar) terdiri dari soal selidik yang direka oleh Unit Penilaian, Bahagian Pendidikan Guru. Kedua-dua soal selidik terdiri daripada dua bahagian (A dan B). Perincian item boleh dilihat dalam Jadual 3.

Jadual 3: Perincian borang soal selidik

Bahagian	Set 1 (Pensyarah)	Set 2 (Pelajar)
A	Demografik (5 soalan)	Demografik (6 soalan)
B	i. Pemerolehan ilmu (4 soalan)  ii. Penguasaan ilmu (4 soalan)  iii. Pemindahan pembelajaran (5 soalan)	i. Proses pelaksanaan (7 soalan)  ii. Manfaat pemerolehan, penguasaan dan pemindahan ilmu (4 soalan)

Kedua dua set soal selidik mempunyai skala Likert 4; skala 1 adalah Tidak Bersetuju (TB), 2 adalah Kurang Bersetuju (KB), 3 adalah Bersetuju (B) dan 4 adalah Sangat bersetuju (SB).

### **Prosedur Kajian**

Kebenaran menjalankan kajian diperolehi dari Pengarah Maktab Perguruan Batu Lintang. Ini disusuli dengan kebenaran pensyarah serta pelajar semester 3, 4 dan 5. Soal selidik bagi guru pelatih ditadbir oleh panel penyelidik pada bulan Mei 2005 manakala soal selidik bagi pensyarah ditadbirkan pada Ogos 2005. Data bagi pelatih dan pensyarah dikutip semula sehari selepas kedua-dua set soal selidik diedarkan.

### **Analisis Data**

Semua 221 soal selidik dapat dikutip. Semua data daripada guru pelatih dan pensyarah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 10.

## **DAPATAN KAJIAN**

Data ini diperoleh daripada 221 orang pelajar dari sembilan kumpulan KDPM Maktab Perguruan Batu Lintang. Kumpulan tersebut ialah PCMT Semester 3 (33 orang), PCMT Semester 4 (32 orang), PCMT Semester 5 (23 orang). Kumpulan lain terdiri daripada guru pelatih Semester 5. Mereka ialah PRAPC (15 orang), PRAPM 1 (30 orang), PRAPM 2 (31 orang), MUPM (20 orang), PCPS (19 orang), dan PCSN (15 orang). Mereka terdiri daripada 70 orang lelaki (27 adalah Bumiputera dan 53 adalah berbangsa Cina) dan 153 orang lagi adalah perempuan ( 55 adalah Bumiputera dan 98 lagi adalah Cina).

Dapatan kajian dilaporkan dalam bentuk kuantitatif dan digunakan untuk menjawab

soalan-soalan kajian berikut.

### Soalan Kajian Pertama

(a) Apakah persepsi guru pelatih KDPM mengenai proses pelaksanaan KKBI?

Untuk menjawab persoalan pertama, dapatan menunjukkan bahawa seramai 221 pelajar bersetuju bahawa pelaksanaan proses KKBI adalah agak baik dengan min keseluruhannya 2.87 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Sehubungan dengan itu, 62.9% bersetuju bahawa tempoh masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan KKBI adalah mencukupi. Ini ditunjukkan oleh min 3.08. Tujuh puluh tiga peratus guru pelatih juga setuju bahawa tugas adalah selaras dengan sukatan pelajaran seperti dibuktikan oleh min 3.12 yang juga merupakan min paling tinggi antara semua item dalam Jadual 4. Di samping itu, 73.8% bersetuju bahawa beban tugas adalah sesuai dengan jam kredit seperti yang ditunjuk oleh min 2.91. Hanya 61.1% bersetuju bahawa kriteria penilaian KKBI mudah difahami seperti ditunjuk oleh min 2.79. Manakala min bagi item sumber maklumat mudah diperolehi serta taklimat KKBI jelas adalah hanya 2.71. Ini dibuktikan dengan hanya 59.7% dan 53.4% pelajar setuju dengan kedua-dua pernyataan. Kedua-dua min tersebut merupakan min yang paling rendah bagi semua komponen dalam proses pelaksanaan.

Jadual 4 : Keberkesanan KKBI dari Perspektif Pelajar

Proses Pelaksanaan KKBI	1 (TB)	2 (KB)	3 (B)	4 (SB)	Min	Sisihan Piawai
1 Taklimat KKBI jelas dan mudah difahami	3.6	28.5	59.7	8.1	2.71	.661
2 Kriteria penilaian KKBI difahami dengan jelas	2.7	25.8	61.1	10.4	2.79	.655
3 Tugas selaras dengan sukatan pelajaran	0.0	7.2	73	19.8	3.12	.503
4 Tempoh masa menyiapkan KKBI cukup	0.5	14.0	62.9	22.6	3.08	.617
5 Beban tugas sesuai dengan jam kredit	0.5	16.7	73.8	9	2.91	.519
6 Bimbingan daripada pensyarah mencukupi	2.3	32.9	51.8	12.6	2.75	.698
7 Sumber maklumat mudah diperolehi	0.5	37.1	53.4	9.0	2.71	.631
Keseluruhan					2.87	.612

### Soalan Kajian Kedua

- (b) Sejauh manakah pelaksanaan KKBI dapat memberi manfaat kepada guru pelatih dari segi pemerolehan, penguasaan dan pemindahan ilmu dari perspektif guru pelatih?

Bagi persoalan kajian yang kedua pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih bersetuju bahawa pelaksanaan KKBI adalah berkesan dan dapat memberi manfaat kepada mereka dari segi pemerolehan, penguasaan dan pemindahan ilmu. Min bagi persoalan ini adalah tinggi iaitu 3.12 pada keseluruhannya. 66.5% bersetuju bahawa KKBI memainkan peranan yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran dengan min 3.16 yang juga merupakan min paling tinggi antara semua komponen dalam Jadual 5. Manakala 68.3% setuju bahawa hasil tugas membolehkan mereka menghubungkan kait teori dan praktis. Ini dibuktikan dengan min 3.14. Di samping itu, 65.6% guru pelatih juga mengakui bahawa tugas KKBI dapat membantu mereka mengaplikasikan ilmu dan kemahiran dalam situasi sebenar dengan min 3.12. Sehubungan dengan ini, 72.9% juga bersetuju bahawa pengalaman membuat KKBI meningkatkan keyakinan diri mereka seperti ditunjukkan oleh min 3.05.

Jadual 5 : Manfaat KKBI dari Perspektif Pelajar

	1 (TB)	2 (KB)	3 (B)	4 (SB)	Min	Sisihan Piawai
8	0.0	8.6	66.5	24.9	3.16	.557
9	0.0	11.3	72.9	15.8	3.05	.520
10	0.0	9	68.3	22.6	3.14	.547
11	0.0	9	65.6	24	3.12	.609
Keseluruhan					3.12	.558

### Soalan Kajian Ketiga

- (iii) Sejauh manakah pelaksanaan KKBI dapat memberi manfaat kepada guru pelatih dari segi pemerolehan, penguasaan dan pemindahan ilmu dari perspektif pensyarah?

Jadual 6 menjelaskan manfaat KKBI kepada guru pelatih dari segi pemerolehan,

penguasaan dan pemindahan ilmu dari perspektif pensyarah.

Jadual 6 : Manfaat KKBI dari Perspektif Pensyarah

Bil	Perkara	1 (TB)	2 (KB)	3 (BK)	4 (SB)	Min	Sisihan Piawai
1	Pemerolehan ilmu ( Keseluruhan )					3.12	.554
1.1	• Kemahiran mencari pelbagai sumber	0.0	13	65.2	21.7	3.09	.596
1.2	• Mempunyai sumber yang relevan untuk memenuhi tugas	0.0	4.3	65.2	30.4	3.26	.541
1.3	• Mempunyai sumber yang mencukupi	0.0	8.7	73.9	17.4	3.09	.515
1.4	• Pelajar memahami sumber yang diperolehi	0.0	13.0	69.6	17.4	3.04	.562
2	Penguasaan ilmu ( Keseluruhan )					2.87	.475
2.1	• Pelajar mempunyai kemahiran merancang	0.0	17.4	69.6	13	2.96	.562
2.2	• Kebolehan menguasai maklumat secara bermakna	0.0	17.4	82.6		2.83	.388
2.3	• Kebolehan mengaplikasi ilmu dan kemahiran menghubungkan kait pelbagai unsur	0.0	17.4	78.3	4.3	2.87	.458
2.4	• Kebolehan membina pemikiran dan makna sendiri	0.0	21.7	73.9	4.3	2.83	.491
3	Pemindahan ilmu ( Keseluruhan )					2.98	.444
3.1	• Kebolehan mengaplikasi teori dan pengetahuan yang dipelajari	0.0	8.7	82.6	8.7	3.00	.426
3.2	• Kecekapan pedagogi	0.0	8.7	91.3		2.91	.288
3.3	• Penghasilan produk mengikut prinsip dan prosedur yang betul	0.0	4.3	87	8.7	3.04	.367
3.4	• Pembinaan kefahaman baru	0.0	8.7	73.9	17.4	3.09	.515
3.5	• Kebolehan membuat aplikasi dalam situasi	0.0	26.1	60.9	13	2.87	.626

Dapatan menunjukkan bahawa pensyarah juga bersetuju bahawa KKBI dapat

memberi manfaat kepada guru pelatih dari segi pemerolehan (min 3.12), penguasaan ( min 2.87) serta pemindahan ilmu (min 2.98). Didapati bahawa min bagi pemerolehan ilmu adalah paling tinggi antara ketiga-tiga komponen dalam KKBI. 65.2% pensyarah bersetuju bahawa guru pelatih mempunyai sumber yang relevan untuk memenuhi tugas dengan min 3.26 yang juga merupakan min paling tinggi antara semua item dalam komponen pemerolehan ilmu. Di samping itu, 65.2% pensyarah bersetuju bahawa guru pelatih mempunyai kemahiran mencari pelbagai sumber dengan min 3.09. 73.9% setuju bahawa mereka mempunyai sumber yang mencukupi dengan min 3.09. Manakala hanya 69.6% pensyarah setuju bahawa pelajar dapat memahami sumber yang diperolehi dengan min 3.04 yang juga merupakan min paling rendah antara semua item dalam komponen pemerolehan ilmu.

Dari segi komponen penguasaan ilmu pula, 69.6% pensyarah bersetuju bahawa guru pelatih mempunyai kemahiran merancang. Ini dibukti dengan min 2.96 yang juga merupakan min yang paling tinggi antara semua item dalam komponen penguasaan ilmu. Sebanyak 82.6% pensyarah bersetuju bahawa guru pelatih mempunyai kebolehan menguasai maklumat secara bermakna dengan min 2.83. Di samping itu, 73.9% pensyarah bersetuju bahawa guru pelatih mempunyai kebolehan membina pemikiran dan makna sendiri dengan min 2.83. Kedua-kedua item ini mempunyai min yang paling rendah antara semua item dalam komponen penguasaan ilmu. 78.3% pensyarah mengakui bahawa guru pelatih mempunyai kebolehan mengaplikasi ilmu dan kemahiran menghubungkan pelbagai unsur dengan min 2.87 seperti dalam dalam Jadual 6.

Sebanyak 73.9% pensyarah bersetuju bahawa pelajar dapat membina kefahaman baru dengan min 3.09 yang juga merupakan min paling tinggi di antara semua item dalam komponen pemindahan ilmu. Didapati bahawa 87% pensyarah bersetuju bahawa guru pelatih dapat menghasil produk mengikut prinsip dan prosedur yang betul dengan min 3.04. Manakala 82.6% pensyarah bersetuju bahawa guru pelatih mempunyai kebolehan mengaplikasi teori dan pengetahuan yang dipelajari dengan min 3.00. 91.3% bersetuju bahawa guru pelatih mempunyai kecekapan pedagogi. Ini dibukti dengan min 2.91 seperti yang ditunjuk dalam Jadual 6. Hanya 60.9% pensyarah bersetuju bahawa guru pelatih mempunyai kebolehan membuat aplikasi dalam situasi sebenar dengan min 2.87.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Berdasarkan dapatan yang diperoleh daripada kajian didapati bahawa proses pelaksanaan KKBI yang dijalankan hampir berkesan, iaitu min adalah 2.87. Didapati bahawa item taklimat KKBI dan sumber maklumat mudah diperolehi dalam proses pelaksanaan KKBI mempunyai min yang rendah (min 2.71), maka dicadangkan agar pensyarah dapat memberi satu taklimat yang jelas kepada semua guru pelatih. Tumpuan taklimat seharusnya difokuskan kepada penjelasan tentang kandungan, kehendak dan matlamat tugas yang disempurnakan. Pemberatan

kandungan dan pemberatan markah juga turut ditekankan supaya guru pelatih sear tentang aspek yang dinilai. Di samping itu, pusat sumber harus memesan lebih banyak bahan yang berkaitan dengan tajuk dalam sukatan pelajaran untuk memudahkan guru pelatih membuat rujukan.

Oleh itu, pelaksanaan KKBI wajar diteruskan dan diperkemaskan lagi bentuk tugasannya. Hal ini terbukti apabila dapatan daripada pensyarah dan guru pelatih yang diperoleh menunjukkan KKBI sangat bermanfaat kepada mereka dari segi pemerolehan, penguasaan dan pemindahan ilmu kepada situasi sekolah. Satu aspek yang perlu ditekankan di sini adalah dari segi penguasaan ilmu dengan minnya yang rendah (min 2.87). Ini bermakna pensyarah harus meningkat kemahiran guru pelatih dalam aspek ini agar dapat memberi banyak manfaat kepada mereka sebagai seorang guru permulaan.

Selain itu, pelaksanaan KKBI perlulah diselaraskan antara mata pelajaran major dan minor. Hai ini ditekankan untuk memastikan rungutan terhadap beban tugas bagi KKBI adalah berkurangan seperti yang diutarakan semasa Kerja Kursus Berportfolio dilaksanakan sebelum ini.

Para pensyarah juga disarankan agar terus membimbing guru pelatih dalam kerangka menyiapkan tugas KKBI mereka bagi melancarkan keberkesanan pelaksanaannya lagi. Para pensyarah juga disarankan supaya perlu menyerapkan kemahiran mencari sumber yang berkesan kepada para guru pelatih.

## BIBLIOGRAFI

- Airasian, Peter, W. (1994). *Classroom Assessment* (2nd ed.). New York: McGraw Hill Inc.
- Ary, P., Jacobs, S. I. & Razavieh. (1985). *Introduction to Research in Education*. (3<sup>rd</sup> ed.) New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Desforges, C. (1995). *An introduction to Teaching: Psychological Perspectives*. Oxford: Blackwell Pub. Ltd.
- Foxon, M. J. (1986). Evaluation of Training: The Art of the Impossible. *Training Officer*, 22, 5, 133-137.
- Gay, L. R. (1992). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. (4<sup>th</sup> ed.). New York: Macmillan Publishing Company.
- Gross Davier, B. (1993). *Tools for Teaching*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Macintosh, H. G. (1974). *Techniques and Problems of Assessment*. London: Edward Arnold Publication.
- Mohd. Majid, K. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moser, C. A. & Kalton, G. (1985). *Survey Methods In Social Investigation*. (2<sup>nd</sup> ed.) Aldershot: Gower.
- Stiggins, Richard J. (1997). *Student Centered Classroom Measurement*. New Jersey: Prentice Hall.

- Wassermann, S. & Eggert, W. (1994). *Profiles of Teaching Competency*. Barnaby, British Columbia: Simon Fraser University Pub.
- Zeliha Musa, Shirley Goh, & Abdul Shukur Ahmad (1999). Pengetahuan dan Kefahaman Pensyarah Maktab Perguruan tentang Kerja Kursus Berportfolio.

#### LAMPIRAN 1

Borang Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan KKBI

**PENSYARAH**

Soal selidik  
Bahagian A

Jantina : \_\_\_\_\_ Umur : \_\_\_\_\_ tahun

Mata pelajaran major : \_\_\_\_\_ Jabatan: \_\_\_\_\_

Pengalaman Mengajar: \_\_\_\_\_ tahun \_\_\_\_\_ bulan

Skala Penilaian:      1. Tidak bersetuju  
                                 2. Kurang bersetuju  
                                 3. Bersetuju  
                                 4. Sangat bersetuju

Arahan: Sila tandakan (/) pada ruang skala yang berkenaan di bawah:

**Bahagian B**

Bil	1. Pemerolehan Ilmu	1	2	3	4
1.1	Pelajar mempunyai kemahiran mencari pelbagai sumber untuk menyiapkan KKBI				
1.2	Pelajar mempunyai sumber yang relevan untuk memenuhi tugas KKBI				
1.3	Pelajar mempunyai sumber yang mencukupi				
1.4	Pelajar memahami sumber yang diperolehi				

Bil	2. Penguasaan Ilmu	1	2	3	4
2.1	Pelajar mempunyai kebolehan merancang				
2.2	Pelajar mempunyai kebolehan menguasai maklumat secara bermakna				
2.3	Kebolehan pelajar mengaplikasi ilmu dan kemahiran menghubungkan kait pelbagai unsur				
2.4	Kemahiran membina pemikiran dan makna sendiri				

Bil	3. Pemindahan Pembelajaran	1	2	3	4
3.1	Hasil tugas pelatih menunjukkan mereka mencapai kebolehan mengaplikasi teori dan pengetahuan yang dipelajari				
3.2	Kecekapan pedagogi				
3.3	Penghasilan produk mengikut prinsip dan prosedur yang betul				
3.4	Pembinaan kefahaman baru				
3.5	Kebolehan membuat aplikasi dalam situasi				

LAMPIRAN 2

## BORANG PENILAIAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN KKBI

PFI A.IAR

## Bahagian A

KURSUS: KDPM	AMBILAN:
KUMPULAN / UNIT:	SEMESTER:
MATA PELAJARAN:	
MAJOR:	

## Skala Penilaian:

1. Tidak Bersetuju
2. Kurang Bersetuju
3. Setuju
4. Sangat Bersetuju

## Bahagian B

Arahan : Sila tandakan ( / ) pada ruang skala yang berkenaan di bawah:

Bil.	Perkara	Skala			
		1	2	3	4
1	Taklimat tugas kerja kursus jelas dan mudah difahami				
2	Kriteria penilaian kerja kursus (KK) difahami dengan jelas				
3	Tugas kerja kursus selari dengan sukatan pelajaran				
4	Tempoh masa yang diberikan mencukupi				
5	Beban tugas bersesuaian dengan jumlah jam kredit subjek				
6	Bimbingan daripada pensyarah mencukupi				
7	Sumber maklumat mudah diperolehi				
8	Tugas dapat meningkatkan pengetahuan/ kemahiran				
9	Pengalaman membuat KK dapat meningkatkan keyakinan diri				
10	Hasil tugas dapat menghubungkan teori dan praktis				
11	Tugas membantu anda mengaplikasikan ilmu dan kemahiran dalam situasi sebenar				